

Kemahiran dan Cabaran Guru Prasekolah dalam Pelaksanaan Aktiviti Seni Halus

Skills and Challenges of Preschool Teachers in The Implementation of Fine Art Activities

Nur Ain Farhana Kariuddin^{1*} Fadzilah Amzah²

¹ Jabatan Pendidikan Awal Kanak-kanak, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

² Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang

*Corresponding author email: nurainfarhana@fpm.upsi.edu.my

SEJARAH ARTIKEL

Diterima: 13 Mac 2025

Disemak: 25 April 2026

Diterima: 19 Mei 2026

Diterbitkan: 21 Mei 2026

KATA KUNCI

Seni halus

Kemahiran

Cabaran

Prasekolah

SDG 4: Pendidikan berkualiti

ABSTRAK - Keistimewaan hasil karya aktiviti seni halus kanak-kanak mampu menggambarkan keberkesanan pengajaran dari guru mereka. Guru-guru yang berkemahiran tinggi dalam aktiviti seni halus akan menghasilkan pengajaran yang efektif dan bermakna. Kajian ini bertujuan mengenal pasti kemahiran guru prasekolah dan cabaran yang dihadapi oleh guru prasekolah dalam pelaksanaan aktiviti seni halus. Reka bentuk kajian ini adalah kuantitatif yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Sampel kajian terdiri daripada 40 orang guru prasekolah di negeri Perak. Data kajian ini dianalisis menggunakan analisis deskriptif berdasarkan tinjauan soal selidik. Dapatan kajian daripada tinjauan soal selidik menunjukkan bahawa tahap kemahiran guru dalam pelaksanaan aktiviti seni halus adalah sederhana (min = 3.225), manakala tahap cabaran yang dihadapi juga berada pada tahap sederhana (min = 3.420), berdasarkan interpretasi skala Likert lima mata. Pembangunan model yang berkaitan seperti model aktiviti seni halus dilihat perlu oleh guru prasekolah supaya dapat dijadikan panduan yang khusus dalam aktiviti seni halus bersama kanak-kanak prasekolah. Kajian ini dapat memberi impak kepada guru dalam meningkatkan kesedaran, kesediaan dan strategi perancangan aktiviti seni halus selaras dengan kepentingan aktiviti seni ini terhadap kanak-kanak prasekolah.

ABSTRACT - The uniqueness of children's fine art activities is able to reflect the effectiveness of their teachers' instruction. Teachers with higher levels of proficiency in fine art activities are more likely to deliver effective and meaningful teaching. This study aims to identify teachers' competencies as well as the challenges faced by preschool teachers in implementing fine art activities. The research design employed is quantitative in nature, utilizing a questionnaire as the primary research instrument. The study sample consisted of 40 preschool teachers in the state of Perak. Data were analyzed using descriptive analysis based on the survey responses. The findings derived from the questionnaire survey reveal that teachers' skill levels in the implementation of fine arts activities are at a moderate level (mean = 3.225), while the challenges encountered are likewise moderate (mean = 3.420), based on the interpretation of a five-point Likert scale. The development of a relevant model, such as a fine art activity model, is deemed necessary by preschool teachers in order to serve as a specific guideline for implementing fine art activities with preschool children. This

study is expected to contribute towards raising teachers' awareness, readiness, and planning strategies for fine art activities, in line with the importance of such activities for preschool children.

KEYWORD: *Fine arts, skill, challenges, Preschool, SDG 4: Quality Education*

PENGENALAN

Peranan guru prasekolah pada abad ke-21 semakin kompleks seiring dengan perubahan yang ketara dalam bidang pendidikan, teknologi dan kehidupan masyarakat. Guru memainkan peranan penting dalam menyediakan asas yang kukuh dalam diri kanak-kanak (Abdul et al., 2025). Dari konteks akademik, guru menyediakan kanak-kanak dengan asas literasi, numerasi dan pemikiran kritis (Santi & Suparno, 2019; Piasta et al., 2010). Perjalanan akademik kanak-kanak dibantu dengan guru memperkenalkan kanak-kanak dengan huruf, nombor dan konsep-konsep asas pendidikan. Pada masa kini, pendidikan pada peringkat prasekolah semakin mendapat perhatian sebagai pengenalan asas dalam pembentukan identiti dan mencungkil bakat kanak-kanak. Di dalam konteks pendidikan awal, terdapat pelbagai pembelajaran yang perlu dipelajari kanak-kanak yang menyeliputi perkembangan secara menyeluruh (Gana & Vargas, 2024; Douglass, 2020). Aktiviti seni halus adalah salah satu medium yang sesuai dan penting dalam membantu kanak-kanak berimajinasi, berfikir kreatif dan mengekspresi perasaan mereka. Kandungan pembelajaran seni halus bukan sahaja mengembangkan kreativiti kanak-kanak malah memainkan peranan yang kritikal terhadap perkembangan kognitif, sosial dan emosi mereka (Mokhlis, 2019).

Walau bagaimanapun, guru sering kali berhadapan dengan pelbagai halangan berkaitan aktiviti seni halus seperti kekurangan bahan dan peralatan, kurang latihan khusus dalam seni halus, kekurangan sumber rujukan berunsurkan seni halus dan pada masa yang sama menghadapi tekanan dari desakan ibu bapa dan pihak sekolah yang lebih menekankan akademik berbanding perkembangan holistik kanak-kanak (Tomashevskyi et al., 2022; Okanlawon, 2009; Rockman, 2000). Cabaran ini tidak boleh diabaikan dan inisiatif awal perlu diambil bagi mengelakkan pengurangan pelaksanaan aktiviti seni halus di masa hadapan.

Kemahiran dan cabaran yang dihadapi guru dalam pelaksanaan aktiviti seni halus memberi impak terhadap kualiti pendidikan awal kanak-kanak. Guru perlu mengetahui cara yang berkesan dan kemahiran yang tepat dalam pelaksanaan aktiviti seni halus di dalam kelas. Pelaksanaan pedagogi yang responsif dan reflektif memainkan peranan penting dalam menyokong perkembangan holistik kanak-kanak (Jumaren et al., 2025; Ismail et al., 2024). Cadangan seperti memperkukuhkan latihan-latihan seni halus kepada guru, menyediakan pelbagai sumber dari segi alatan bahan, rujukan dan juga sokongan sedikit sebanyak memberi bantuan yang bernilai dalam meningkatkan kemahiran guru dalam seni halus. Pelbagai cabaran dan halangan yang dialami ditangani dengan perubahan yang positif dan penyelesaian yang kreatif.

Permasalahan yang berlaku adalah guru masih mempraktikkan amalan didaktik, seperti pembelajaran berpusatkan guru, hafalan dan latih tubi dalam seni halus menyebabkan kanak-kanak mempunyai ruang yang terhad bersuara memberi idea mereka dan kurang peluang untuk berinteraksi sosial bersama rakan (Zhang et al., 2025). Selain itu kurangnya latihan profesionalisme dan perkembangan seni halus juga turut menyumbang kepada permasalahan dalam pelaksanaan aktiviti seni halus yang baik (Leung et al., 2023).

Pelbagai manfaat yang signifikan terhadap perkembangan kanak-kanak melalui pelaksanaan aktiviti seni halus selain daripada pemupukan kreativiti, antaranya adalah peningkatan perkembangan kognitif, emosi dan sosial (Usharidze, 2024). Ketika aktiviti seperti melukis, mengukir dan mencipta sesebuah hasil dijalankan, kanak-kanak belajar untuk merancang, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dengan cara yang kreatif dan secara tidak langsung meningkatkan kemahiran berfikir secara kritis. Penggunaan koordinasi mata-tangan yang baik seperti ketika aktiviti menggunting dan mengoyak akan memberi keistimewaan kepada perkembangan fizikal kanak-kanak (Candra et al., 2020). Selain itu, keupayaan daya tumpuan dan fokus kanak-kanak juga menjadi lebih baik seterusnya membantu mereka membina konsentrasi ketika pembelajaran akademik berlaku (Frikha & Alharbi, 2023).

Kanak-kanak lebih mengekspresi emosi mereka ketika melakukan aktiviti seni halus (Damiano et al., 2023). Aktiviti seni halus merupakan saluran dan medium yang terbaik buat kanak-kanak dalam hal ini. Perasaan seperti marah, gembira, sedih, kecewa atau takut dapat diluahkan dengan cara yang selamat dan sihat. Kebanyakkan penghasilan karya dari aktiviti seni halus adalah dengan menggunakan aktiviti *hands-on* di mana kanak-kanak perlu melakukannya sendiri dan dibawah bimbingan guru secara minimum (Aerila & Ronkko, 2023). Faedah yang dapat dilihat adalah kanak-kanak mula percaya pada diri sendiri dan keyakinan diri akan meningkat apabila mereka berasa bangga dengan hasil usaha dari aktiviti tersebut (Kariuddin & Amzah, 2025).

Pelaksanaan aktiviti seni halus secara berkumpulan dapat menggalakkan kanak-kanak untuk berkomunikasi, bekerjasama, menghargai dan menghormati di antara satu sama lain (Alghufali, 2024; Duh, 2016). Kanak-kanak belajar untuk menerima sesuatu dengan baik dari pemerhatian mereka ketika bersama rakan. Nilai-nilai sosial seperti toleransi, empati dan kasih sayang juga akan mulai wujud.

Ilham dan idea kreatif akan mulai tercetus apabila kanak-kanak kerap kali didedahkan dan diberi peluang untuk melakukan pelbagai aktiviti-aktiviti seni halus (Hrechyshkina, 2023). Kelebihan yang diperoleh dari kegiatan ini adalah kanak-kanak mula didorong untuk berfikir di luar kotak untuk berimajinasi dalam menghasilkan sesebuah karya atau mencipta sesuatu yang baru dan unik. Kanak-kanak akan ke fasa yang lebih tinggi dengan mulai lebih berani bereksperimen menggunakan pelbagai bahan dan teknik. Setelah itu, titik permulaan kanak-kanak lahir menjadi individu yang berinovasi dengan minda terbuka semakin tinggi (Chovriy & Gaboda, 2023).

Kemahiran guru dalam pelaksanaan aktiviti seni halus

Penting untuk seorang guru mempunyai pengetahuan luas dalam sesuatu bidang yang diceburi lebih-lebih lagi aktiviti seni halus untuk memastikan guru berkebolehan dalam memberi panduan kepada kanak-kanak. Eisner (2002) menekankan kepentingan guru dalam penguasaan teknik dan pengetahuan seni bagi penghasilan pengajaran yang berkualiti. Latihan profesional secara berterusan atau berstruktur adalah amat penting bagi guru (Garvis & Pendergast, 2011). Guru akan lebih berkeyakinan tinggi dan kemahiran dalam aktiviti seni halus lebih meluas dengan penglibatan dalam program-program latihan yang berkaitan. Konsep integrasi aktiviti seni halus di dalam pembelajaran kanak-kanak dapat meluaskan kefahaman pembelajaran kanak-kanak Brewer (2007). Kanak-kanak lebih mudah memahami kandungan pembelajaran yang dilakukan bersama dengan aktiviti-aktiviti seni halus.

Pendekatan dalam pelaksanaan seni halus

Pendekatan atau kaedah pengajaran seni halus dalam kalangan kanak-kanak memerlukan perhatian khusus dengan mengambil kira umur dan tahap perkembangan kanak-kanak. Namun, masih tiada konsensus dalam kalangan penyelidik dan pendidik Pendidikan Awal Kanak-kanak dari segi takrifan kaedah yang berkesan untuk mendidik kanak-kanak dalam seni halus (Leung et al., 2023; Lindsay, 2021; Cutcher & Boyd, 2016). Manakala Dildora (2023), pula mengemukakan beberapa pendekatan yang sesuai digunakan dalam pelaksanaan seni halus iaitu: 1) belajar sambil bermain; 2) integrasi teknologi; 3) mengajar teknik-teknik asas seni. Menurutnya, lumrah kanak-kanak adalah suka bermain, jadi menggunakan kaedah belajar melalui bermain adalah sesuai pada peringkat ini. Pelbagai permainan berkaitan seni halus yang menyeronokkan boleh dilakukan seperti melukis di atas pasir, membentuk huruf menggunakan plastisin, mewarna batu menggunakan jari dan sebagainya tanpa memberi tekanan yang tidak perlu kepada kanak-kanak.

Cabaran dalam pelaksanaan seni halus

Alter, Hays, dan O'Hara (2009) menemui bahawa guru menghadapi masalah utama dalam melaksanakan aktiviti seni halus iaitu kekurangan sumber dan bahan-bahan aktiviti seni halus. Hal ini disokong oleh Siti Normazidah et al. (2021), yang menyatakan bahawa kekangan fasiliti dan bahan yang terhad di prasekolah menyebabkan guru sukar mempelbagai teknik seni halus seperti cetakan dan binaan. Clarke et al., (2018) menambah bahawa kewangan juga merupakan isu yang menjadi batas kepada peluang untuk menggunakan bahan dan fasiliti bagi seni halus. Hal yang lebih utama diutarakan oleh Nurtaev (2021) adalah mengenai masalah pedagogi atau kaedah pengajaran seni halus. Freehily (2022) dan Kayode (2011) menegaskan bahawa guru sering menghadapi kesukaran

dalam menilai kreativiti kanak-kanak dan ekspresi artistik, kerana kaedah penilaian tradisional mungkin tidak dapat menangkap perbezaan pembangunan artistik dengan secukupnya. Dapatan ini selari dengan kajian Mazlan & Boon (2020), di mana guru mengakui wujudnya kekaburan dalam kriteria penskoran bagi hasil kerja seni yang bersifat subjektif. Cabaran ini mengakibatkan keterbatasan guru untuk merancang aktiviti seni halus dengan baik (Medkova, 2018). Sumber rujukan seperti buku, model dan panduan yang berfokus kepada seni halus kanak-kanak juga adalah sumber yang sangat bermakna bagi guru. Menangani cabaran ini adalah penting untuk memupuk penyebaran dan perkembangan pendidikan seni halus yang berkesan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif berbentuk tinjauan dengan melibatkan 40 orang guru prasekolah di negeri Perak yang berpengalaman mengajar pendidikan seni halus. Set soal selidik telah diedarkan kepada semua responden yang mempunyai kelayakan akademik sama ada Diploma atau Ijazah dalam pendidikan awal kanak-kanak daripada universiti tempatan dan swasta. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian SPSS bagi mendapatkan nilai min dan sisihan piawai. Instrumen kajian yang dibangunkan penyelidik telah disahkan melalui proses penilaian kesahan dan kebolehpercayaan yang melibatkan seorang pakar bahasa dan dua orang pakar dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini bertujuan mengenal pasti kemahiran dan cabaran guru prasekolah dalam pelaksanaan seni halus. Skala Likert lima mata digunakan dalam instrumen, iaitu 1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = kurang setuju, 4 = setuju, dan 5 = sangat setuju. Interpretasi skor min ditentukan berdasarkan julat tertentu bagi mengkategorikan tahap rendah, sederhana, dan tinggi. Dapatan kajian ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Jadual 1. Kategori tahap berdasarkan skor min

Julat min	Interpretasi tahap
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Jadual 2. Kemahiran guru prasekolah dalam pelaksanaan seni halus

Item	Min	Sisihan Piawai
mempunyai kemahiran asas dalam melukis.	3.18	1.107
mengetahui cara menggunakan pelbagai medium seni (cat, krayon, tanah liat, dll).	3.57	.984
yakin dalam merancang aktiviti seni halus untuk kanak-kanak prasekolah.	3.55	.904
mengetahui cara untuk menilai hasil seni kanak-kanak dengan objektif	3.28	1.086
mampu mengintegrasikan seni halus dalam kurikulum prasekolah.	3.35	1.027
merasa percaya diri dalam mengajar seni halus kepada kanak-kanak prasekolah.	3.50	.987
mempunyai pengetahuan yang cukup tentang teknik seni halus.	2.95	1.061
		1.209

Item	Min	Sisihan Piawai
mengetahui cara menggunakan pelbagai media seni dalam pengajaran.	3.35	.864
dapat memberikan contoh praktis tentang bagaimana membuat karya seni.	3.23	1.000
merasa senang mengajar seni halus kepada kanak-kanak.	3.18	1.107
dapat mengenali potensi seni halus dalam diri setiap kanak-kanak.	3.30	1.067
merasa terinspirasi untuk terus mengembangkan kemahiran seni halus saya.	3.35	1.027
dapat mengintegrasikan seni halus dengan mata pelajaran lain.	3.52	.960
memiliki berbagai sumber dan bahan untuk mengajar seni halus.	3.08	1.095
memahami prinsip-prinsip dasar seni halus.	2.68	1.163
mampu menilai karya seni kanak-kanak selaras dengan objektif.	2.75	1.080
memberikan pandangan yang membina kepada kanak-kanak tentang karya seni mereka.	3.50	1.038
memanfaatkan teknologi dalam pengajaran seni halus.	3.38	.952
mendapat sokongan sekolah dalam pengembangan kemahiran seni halus.	3.15	.975
sering berkongsi pengalaman dan teknik seni halus dengan rakan sekerja.	3.00	1.132
dapat mengatasi cabaran dalam pengajaran seni halus dengan efektif.	2.95	1.037
mampu membimbing murid dalam menyelesaikan projek seni halus.	3.35	1.051
selalu mencari cara baru untuk meningkatkan pengajaran seni halus saya.	3.55	.986
sering mengikuti kursus atau latihan berkaitan dengan seni halus.		
mampu mencipta aktiviti seni halus yang sesuai dengan tahap perkembangan kanak-kanak.	3.18	1.174

Secara keseluruhannya, tahap kemahiran guru prasekolah dalam pelaksanaan seni halus berada pada tahap sederhana (min keseluruhan antara 2.68 – 3.57). Dapatan menunjukkan guru lebih yakin dalam aspek mengajar dan merancang aktiviti seni halus (min antara 3.50 – 3.57), namun kemahiran berkaitan pengetahuan asas seni halus, pemahaman prinsip seni, serta penilaian karya murid masih berada pada tahap rendah sederhana (min antara 2.68 – 2.95). Sisihan piawai yang agak tinggi ($SD > 1.0$) pada beberapa item menunjukkan wujudnya perbezaan yang ketara antara guru, terutamanya dari segi pengalaman latihan dan pendedahan kepada seni halus.

Jadual 3. Cabaran guru prasekolah dalam pelaksanaan aktiviti seni

Item	Min	Sisihan Piawai, SD
Saya menghadapi kesukaran mendapatkan bahan-bahan seni yang mencukupi.	3.68	.917
Saya kekurangan masa untuk melaksanakan aktiviti seni halus dalam jadual harian.	3.52	1.109
Saya memerlukan lebih banyak latihan dalam bidang seni halus.	4.20	.758

Saya menghadapi cabaran dalam menjaga keselamatan kanak-kanak semasa aktiviti seni.	3.40	1.008
Saya sukar mengukur keberkesanan aktiviti seni halus terhadap perkembangan kanak-kanak.	3.27	1.109
Saya merasa kurangnya bahan rujukan tentang seni halus untuk digunakan dalam pengajaran.	3.62	.952
Saya merasa kurang inspirasi atau idea untuk aktiviti seni halus.	3.18	1.083
Saya merasa tidak cukup terlatih untuk mengajarkan seni halus kepada kanak-kanak	3.57	1.107
Saya merasa sukar mengendali kelas ketika aktiviti seni halus.	3.38	1.030
Saya merasa tekanan untuk fokus pada mata pelajaran akademik daripada seni halus.	2.88	1.090
Saya sukar mendapatkan bantuan daripada guru yang berpengetahuan dalam seni halus	3.15	1.099
Saya mengalami kesulitan dalam memahami aktiviti seni yang sesuai pada peringkat kanak-kanak.	3.20	1.137

Nilai min dan sisihan piawai keseluruhan bagi kemahiran dan cabaran dalam pelaksanaan aktiviti seni halus di prasekolah ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4. Nilai min dan sisihan piawai keseluruhan bagi kemahiran dan cabaran dalam pelaksanaan aktiviti seni halus

Item	Min	Sisihan Piawai, SD
Kemahiran	3.2250	.73816
Cabaran	3.4208	.82968

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa guru prasekolah menghadapi cabaran pada tahap sederhana dalam pelaksanaan seni halus. Cabaran utama yang dikenal pasti ialah keperluan latihan tambahan dalam bidang seni halus (min = 4.20, SD = 0.758) serta kesukaran mendapatkan bahan-bahan seni yang mencukupi (min = 3.68, SD = 0.917).

Selain itu, guru juga melaporkan kekangan dari segi masa (min = 3.52, SD = 1.109), kurang bahan rujukan (min = 3.62, SD = 0.952), dan kurang latihan (min = 3.57, SD = 1.107) sebagai cabaran utama. Walau bagaimanapun, cabaran seperti tekanan untuk memberi fokus kepada mata pelajaran akademik (min = 2.88, SD = 1.090) didapati berada pada tahap sederhana rendah; menunjukkan ia tidak begitu ketara dalam kalangan semua guru. Secara ringkas, dapatan ini menggambarkan bahawa guru prasekolah amat memerlukan latihan berterusan, sokongan sumber, serta panduan profesional bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran seni halus.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kemahiran guru prasekolah dalam pelaksanaan aktiviti seni halus berada pada tahap sederhana. Walaupun beberapa aspek seperti keyakinan mengajar, keupayaan merancang aktiviti, dan integrasi seni halus dengan mata pelajaran lain mencatatkan min sederhana tinggi (M = 3.50–3.57), kelemahan ketara masih wujud dalam aspek pengetahuan asas seni halus, pemahaman prinsip seni, serta penilaian karya murid yang hanya berada pada tahap rendah sederhana (M = 2.68–2.95). Keadaan ini menunjukkan bahawa guru lebih cenderung menguasai aspek pelaksanaan praktikal berbanding dimensi konseptual dan penilaian dalam pendidikan seni.

Situasi ini berkemungkinan dipengaruhi oleh beberapa faktor dalaman dan luaran, termasuk sikap guru terhadap seni halus, tahap minat yang rendah, kekurangan pengetahuan khusus, serta keterbatasan akses kepada sumber bahan dan kewangan. Selain itu, beban tugas yang tinggi turut menyumbang kepada kekangan masa untuk merancang dan melaksanakan aktiviti seni halus secara lebih berkesan. Dapatan ini selari dengan kajian terdahulu yang menunjukkan bahawa guru prasekolah lebih selesa berperanan sebagai fasilitator aktiviti praktikal berbanding mengaplikasikan teori seni dan menjalankan penilaian secara sistematik (Leung et al., 2023).

Dari aspek cabaran, keperluan terhadap latihan tambahan mencatatkan skor yang tinggi ($M = 4.20$), menunjukkan bahawa guru menyedari kepentingan peningkatan profesional dalam bidang ini. Selain itu, kesukaran mendapatkan bahan seni yang mencukupi ($M = 3.68$), kekangan masa, kekurangan bahan rujukan, serta cabaran dalam pengurusan kelas turut dikenal pasti sebagai faktor yang menjejaskan keberkesanan pelaksanaan aktiviti seni halus. Walau bagaimanapun, tekanan kurikulum akademik didapati bukan merupakan cabaran utama ($M = 2.88$), sekali gus menunjukkan bahawa isu sebenar lebih tertumpu kepada aspek sokongan, sumber, dan kompetensi guru.

IMPLIKASI KAJIAN

Implikasinya, dapatan ini menuntut perhatian pihak berkepentingan, khususnya dalam merangka program latihan profesional yang lebih berfokus kepada pengukuhan pengetahuan asas seni, prinsip seni, serta kemahiran penilaian karya murid. Selain itu, penyediaan sumber bahan yang mencukupi dan garis panduan pengajaran yang sistematik perlu dipertingkatkan bagi membantu guru melaksanakan aktiviti seni halus dengan lebih berkesan. Institusi latihan perguruan juga disaran untuk menambahbaik kandungan kurikulum berkaitan pendidikan seni awal kanak-kanak agar lebih seimbang antara aspek teori dan amali. Secara keseluruhannya, usaha bersepadu ini penting bagi memastikan aktiviti seni halus dapat menyumbang secara optimum kepada perkembangan menyeluruh kanak-kanak.

KESIMPULAN

Terdapat beberapa isu penting yang telah dikenal pasti dalam kajian mengenai kemahiran dan cabaran guru prasekolah dalam pelaksanaan aktiviti seni halus. Penyediaan latihan secara berkala atau berterusan adalah salah satu cadangan yang boleh diusahakan oleh pentadbir pendidikan bagi memastikan guru dapat meningkatkan kemahiran mereka dari masa ke semasa. Selain itu, akses kepada bahan-bahan seni yang mencukupi juga meningkatkan motivasi guru dalam pelaksanaan aktiviti seni halus seterusnya mengurangkan tekanan mereka. Pembangunan model khusus bagi aktiviti seni halus dilihat perlu oleh guru prasekolah kerana ia dapat berfungsi sebagai panduan yang sistematik dan praktikal dalam merancang serta melaksanakan aktiviti seni halus bersama kanak-kanak prasekolah. Penelitian dari kajian ini menunjukkan bahawa dengan kemahiran yang baik dan pengurangan cabaran dalam pelaksanaan aktiviti seni halus, guru prasekolah mampu menonjolkan peranan mereka dengan lebih efektif dan memantapkan lagi kaedah pengajaran. Kanak-kanak akan mendapat manfaat yang besar dari segi perkembangan mereka disebabkan oleh keberkesanan tanggungjawab dari guru mereka. Oleh itu, adalah penting untuk menghargai dan mengiktiraf usaha guru dalam pelaksanaan aktiviti seni halus supaya aktiviti ini lebih dipergiatkan oleh semua pihak. Kajian yang dijalankan adalah hanya melihat tahap kemahiran dan cabaran guru dalam pelaksanaan aktiviti seni halus bagi kanak-kanak. Oleh itu, kajian akan datang dicadangkan untuk meneroka kesan aktiviti seni halus terhadap perkembangan holistik kanak-kanak, khususnya bagaimana penyertaan aktif dalam seni halus dapat menyumbang kepada perkembangan emosi, sosial, dan kognitif mereka.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan, bimbingan, serta kerjasama sepanjang pelaksanaan kajian ini.

PERNYATAAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengistiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan berkaitan penerbitan artikel kajian ini.

RUJUKAN

- Abdul, M. A., Harun, F., 'Ain, Mohamad, I., & Sabri, M. F. (2025). Pembelajaran Seni Halus di TADIKA: Pengetahuan & Amalan Guru di TADIKA. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 14(2), 51-63.
- Aerila, J. A., & Rönkkö, M. L. (2023). Learning STEAM content via arts-based hands-on activities. In *Science, Technology, Engineering, Arts, and Mathematics (STEAM) Education in the Early Years* (pp. 91-107). Routledge.
- Alghufali, B. R. (2024). Artistic Activities and Developing Creative Thinking Skills among Children in Early Childhood. *American Journal of Human Psychology*, 2(1), 48–57.
- Alter, F., Hays, T. & O'Hara, R. (2009). Creative Arts Teaching and Practice. *Critical Reflections of Pre service Teachers in Australia. International Journal of Education and the Arts* 10(9), 1-22.
- Brewer, M. B. (2007). The importance of being we: human nature and intergroup relations. *American psychologist*, 62(8), 728.
- Candra, R., Rasyid, W., Asnaldi, A., & Bakhtiar, S. (2020, August). Effect of Hand-Eye Coordination on the Capability of Children Object Control. In *1st International Conference of Physical Education (ICPE 2019)* (pp. 204-207). Atlantis Press.
- Chovriy, S. Y., & Gaboda, E. B. (2023). An activity-based approach to the formation of artistic and creative competence of children in the conditions of a preschool education institution.
- Clarke, A., Hulbert, S., & Summers, F. (2018, November). Towards a fair, rigorous and transparent fine art curriculum and assessment framework. In *Arts* (Vol. 7, No. 4, p. 81). MDPI.
- Cutcher, A., & Boyd, W. (2016). Preschool children, painting and palimpsest: Collaboration as pedagogy, practice and learning. *International Journal of Art and Design Education*, 37(1), 53e64.
- Damiano, C., Gayen, P., Rezanejad, M., Banerjee, A., Banik, G., Patnaik, P., ... & Walther, D. B. (2023). Anger is red, sadness is blue: Emotion depictions in abstract visual art by artists and non-artists. *Journal of vision*, 23(4), 1-1.
- Dildora, T. (2023). Methods Of Teaching Fine Arts In The Lower Grades. *International Journal of Advance Scientific Research*, 3(12), 65-69.
- Douglass, S. L. (2020). Teaching Children: A Moral, Spiritual, and Holistic Approach to Educational Development by Ann El-Moslimany. *Journal of Education in Muslim Societies*, 1(2), 73-76.
- Duh, M. (2016). Art appreciation for developing communication skills among preschool children. *CEPS journal*, 6(1), 71-94.
- Eisner, E. W. (2002). What Can Education Learn from the Arts About the Practice of Education?. *Journal of curriculum and supervision*, 18(1), 4-16.
- Feehily, F. (2022). Art School: A Beautiful Uncertainty. In *Rethinking the Crit* (pp. 33-37). Routledge.
- Frikha, M., & Alharbi, R. S. (2023). Optimizing fine motor coordination, selective attention and reaction time in children: effect of combined accuracy exercises and visual art activities. *Children*, 10(5), 786.
- Gana, R., Vargas, M.A. (2024). Development and efficacy of child's holistic, individualized learning and development program for children with autism. *Journal of Interdisciplinary Perspectives*, 2(8), 114-119.
- Garvis, S., & Pendergast, D. (2011). An Investigation of Early Childhood Teacher Self-Efficacy Beliefs in the Teaching of Arts Education. *International Journal of Education & the Arts*, 12(9), 1–15.
- Hrechyshkina, I. (2023). Acquaintance of Preschool Children with Works of Painting. *Scientific Journal of Polonia University*, 56(1), 58-62.
- Ismail, N. M., Ibrahim, Q. R., & Omar, R. (2024). The level of teachers' mastery on teaching and learning methods of learning while playing used post-COVID in TABIKA KEMAS. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 13(1), 31–42.
- Jumaren, A. ., Atan, A. ., Md Ali, H., Bachok, M. S. ., & Abu Bakar, N. M. . (2025). Analisis Faktor Penerokaan terhadap Amalan Pedagogi, Persekitaran Pembelajaran dan Rakan Pembelajaran dalam kalangan Siswa Guru Pendidikan Awal Kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 14(2), 35-50.

- Kariuddin, N. A. F., & Amzah, F. (2025). Peranan Guru dalam Pelaksanaan Aktiviti Seni Halus Kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 14(2), 24-34.
- Kayode, F. (2011). Artist-teachers, teacher-artists and the challenges of higher degrees in Nigerian university education—a view from within. *Journal of Emerging Trends in Educational Research and Policy Studies*, 2(2), 120-126.
- Leung, S. K., Wu, J., Lam, Y., & Ho, T. H. (2023). An explanatory study of kindergarten teachers' teaching behaviours in their visual arts classrooms. *Teaching and Teacher Education*, 124, 104018.
- Lindsay, G. (2021). Visual arts pedagogy in early childhood contexts: The baggage of self-efficacy beliefs, pedagogical knowledge and limited pre-service training. *Australasian Journal of Early Childhood*, 46(1), 80e92.
- Mazlan, A., & Boon, Y. (2020). Amalan pentaksiran perkembangan kreativiti kanak-kanak melalui aktiviti seni di prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak*, 9(1), 88–102.
- Medkova, E. S. (2018). Problems of improving the quality of teaching fine arts in general education school in modern Russia. *Espacios*, 39(21), 18.
- Mokhlis, S. (2019). Pemupukan Kreativiti Kanak-Kanak: Kajian Kes Amalan Pengajaran Kreativiti di Sebuah Tadika Islam: Nurturing Creativity in Young Children: A Case Study of the Practice of Teaching for Creativity in an Islamic Kindergarten. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 3(1), 34-48.
- Nurtaev, U. (2021). Pedagogical issues in ensuring continuous and intermittent state of the field of fine arts in the system of art education. *Academicia: an international multidisciplinary research journal*, 11(1), 1813-1821.
- Okanlawon, A. K. (2009). Pedagogical content knowledge: A key factor in teaching painting. *African Research Review*, 3(4).
- Piasta, S. B., Purpura, D. J., & Wagner, R. K. (2010). Fostering alphabet knowledge development: A comparison of two instructional approaches. *Reading and writing*, 23, 607-626.
- Rockman, D. A. (2000). *The art of teaching art: A guide for teaching and learning the foundations of drawing-based art*. Oxford University Press.
- Santi, M. N., & Suparno, S. (2019, April). Alphabet Knowledge through Cublak Suweng Games for Early Childhood Education. In *International Conference on Special and Inclusive Education (ICSIE 2018)* (pp. 250-254). Atlantis Press.
- Siti Normazidah, M. P., & Nurazidawati, M. A. (2021). Tahap pengetahuan dan kesediaan guru prasekolah dalam pelaksanaan aktiviti seni visual. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak*, 10(2), 45–58.
- Tomashevskiy, V., Digtar, N., Chumak, L., Batiievska, T., Hnydina, O., & Malytska, O. (2022). Artistic and Pedagogical Competences of the Fine Arts Teacher: an Adaptation to the Postmodern Society. *Postmodern Openings*, 13(2), 287-302.
- Usharidze E.S. (2024). Modern methods of developing cognitive activity of preschool children in fine arts classes // Bulletin of the North Ossetian State University named after K.L. Khetagurov. 2024. No. 1. P. 88–92.
- Zhang, H., Yang, Y., & Li, J. (2025). Effective strategies for teachers to guide children's art activities-- Based on a survey of children's art activities and teacher guidance, and an analysis of their correlation. *Frontiers in Psychology*, 16, 1600401.